

LC tawar insentif tambah baik kesejahteraan rakyat

LABUAN: Perbadanan Labuan (LC) telah melancarkan insentif pasca-Covid-19 untuk mengurangkan kesan pandemik terhadap kesejahteraan rakyat.

Insentif pertama, pihak berkuasa tempatan menawarkan lesen penjaja secara percuma kepada penduduk tempatan yang ingin memulakan perniagaan kecil di kawasan perumahan dan di kampung mereka, justeru mengurangkan kutipan hasilnya kepada RM48,260 setiap tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr Fary Akmal Osman berkata insentif itu bertujuan untuk memastikan aktiviti ekonomi yang berterusan dan membantu menambah baik kehidupan penduduk tempatan.

"Semua orang berharap dapat melakukan yang terbaik pada tahun 2020, penularan Covid-19 yang belum pernah terjadi sebelum ini telah mengubah kehidupan dan perniagaan kita.

"Kami telah melihat perniagaan di pelbagai sektor terhenti, memberi kesan yang besar kepada ekonomi kita. Oleh itu, insentif pasca-Covid-19 sejajar dengan agenda utama Menteri Wilayah Persekutuan untuk membuat orang ramai bangkit daripada krisis ini," katanya pada sidang media di sini pada Jumaat.

Fary berkata mereka yang berminat mesti memohon insentif (yuran lesen percuma) daripada Perbadanan Labuan untuk prosedur operasi standard (SOP) dan peraturan.

"Kami tidak mengkehendak aktiviti perniagaan, selagi ia tidak bertentangan dengan undang-undang dan dapat membantu mereka mengharungi keadaan ekonomi ketika ini," katanya.

Insentif kedua, perkhidmatan penghantaran makanan oleh penghantar makanan (firma e-dagang swasta dan berdaftar) dilanjutkan sehingga 31 Disember tahun ini.

"Kami mempunyai sebanyak 122 penghantar makanan daripada perkhidmatan penghantaran makanan e-dagang MoreFun, kedai makanan segera dan penghantar makanan swasta yang berdaftar dengan Perbadanan Labuan sejak bulan Ramadan. Sekarang perkhidmatan mereka dilanjutkan hingga akhir tahun dan ini akan membantu mereka terus menjana pendapatan," katanya.



DR FARY menunjukkan senarai SOP aktiviti perniagaan pada sidang media itu, Jumaat. — fotoBERNAMA

Fary berkata sekurang-kurangnya 200 pekerjaan akan diwujudkan dalam sektor digital, e-dagang, ekonomi gig, perkhidmatan dan sektor makanan di pulau tersebut.

"Peluang pekerjaan juga diciptakan dalam sektor pelancongan (pemandu pelancong dan pengendali bot di Labuan Geopark yang akan dibangunkan semula), sektor pertanian dan perikanan," katanya.

"Labuan mencatatkan kadar pengangguran yang rendah iaitu hanya kurang daripada 100 berikutan Perintah Sekatan Pergerakan (PKP) dan kami berharap kami dapat membantu mereka yang diberhentikan kerja serta penganggur untuk bekerja semula," katanya.

Fary berkata kira-kira 2,000 pekerjaan masih kosong di pelbagai firma kewangan antarabangsa di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) berikutan peraturan baharu ditetapkan oleh Pertubuhan

Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) bahawa semua syarikat berdaftar IBFC perlu menempatkan pejabat di Labuan.

"Perbadanan Labuan dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) bekerjasama untuk membuka peluang pekerjaan di sektor kewangan kepada siswazah yang menganggur... Industri minyak dan gas pada masa ini memerlukan kira-kira 200 orang untuk bekerja dalam penyelenggaraan loji," katanya.

Fary berkata Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperuntukkan dana pembangunan sebanyak RM15 juta kepada Perbadanan Labuan tahun ini untuk melaksanakan projek kecil bagi memulihkan ekonomi tempatan dengan pantas.

"Ini akan membantu mewujudkan pekerjaan untuk kontraktor dan penduduk tempatan serta meningkatkan aktiviti ekonomi," katanya. — Bernama